

# Muhammad Khairul tokoh siswa UPM 2016

UTUSAN MALAYSIA

11/7/2016 p. 23

**P**ELAJAR Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusof** dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Siswa UPM sesi 2015-2016.

Muhammad Khairul Adib, 22, berkata anugerah yang diterima itu mampu

menjadi inspirasi kepada pelajar UPM dalam bidang akademik dan kokurikulum di kampus.

“Saya akan memanfaatkan ilmu dan pengalaman sepanjang pengajian di UPM dengan menyumbangkan kembali kepada komuniti. Saya berharap pelajar dan alumni UPM sentiasa berpegang

kepada moto UPM iaitu *Berilmu Berbakti*,” katanya.

Muhammad Khairul yang pernah mewakili Malaysia ke Program Musim Panas Pusat Penyelidikan Nuklear Eropah (CERN) di Geneva, Switzerland serta Persidangan Pelajar Sains ASEAN di Jogjakarta, Indonesia itu bercadang

menyambung pengajian pascasiswazah dalam bidang astro fizik atau fizik zarah di United Kingdom selepas majlis konvokesyen.

Dengan kejayaan itu, Muhammad Khairul dihadiahkan iPad Air 2, sijil dan tiket penerbangan tiga hari dua malam ke Ho Chi Minh City, Vietnam yang disampaikan oleh Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris**.

Majlis Anugerah Siswa Gemilang Sesi 2015-2016 menawarkan 21 anugerah yang memberi pengiktirafan kepada pelajar tahun akhir pengajian yang telah memperlihatkan ketokohan, kewibawaan, prestasi yang unggul dan kesungguhan yang tinggi dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, pengiktiran diberi berdasarkan keputusan yang cemerlang dalam akademik dan persatuan atau kelab yang menganjurkan program berimpak tinggi.

Sementara itu, Dr. Aini berkata, pelajar perlu kompeten serta mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran di alam pekerjaan.

“Ilmu dan pengalaman yang diterima semasa di universiti adalah satu proses awal membentuk kematangan pelajar.

“Anda harus bijak menggunakan ilmu dan pengalaman yang diterima dan seterusnya mengubah suai mengikut faktor sekeliling bagi mencapai kecemerlangan,” katanya.



**DR. AINI IDERIS** (enam dari kiri) menyampaikan hadiah kemenangan kepada **Muhammad Khairul Adid** (tengah) dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa UPM sesi 2015-2016, di Serdang, Selangor, baru-baru ini